

TERHAD

Markas Tentera Udara
Bahagian Sumber Manusia
Sel Kerjaya dan Pengambilan
Tingkat 7, Menara TH Selborn
153, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2681 2412/2413
Faks : 03-2687 3080

5 Apr 2018

MTU/BSM(K&P)/100-1/9/12

Encik :

(No KP :))



No Indeks



TAWARAN KE PEMILIHAN AKHIR PERAJURIT MUDA UDARA SIRI 59/18 SEMENANJUNG

1. Berhubung dengan perkara tajuk, sukacita dimaklumkan bahawa saudara telah terpilih untuk mengikuti Pemilihan Akhir Perajurit Muda Udara Siri 59/18. Saudara dikehendaki hadir melapor diri seperti butiran berikut:

- a. Tarikh : 21 APRIL 2018 (SABTU).
- b. Masa : 8.30 PAGI.
- c. Lokasi Berkumpul : KOLEJ TENTERA UDARA, ALOR SETAR.

2. Bersama-sama ini disertakan **ARAHAN MELAPOR DIRI PEMILIHAN AKHIR** di **Kembaran A** sebagai rujukan membuat persiapan termasuk penyediaan dokumen dan kelengkapan yang diperlukan. Saudara dinasihatkan membaca dengan teliti dan memahami kandungan arahan tersebut bagi melancarkan segala urusan pentadbiran.

3. Saudara dikehendaki membuat pengesahan terhadap tawaran ini dengan menghubungi talian telefon **03-2681 2412 / 2413** dari jam **9.00 pagi hingga 3.00 petang** hari bekerja sebelum atau pada **13 Apr 2018**. Tawaran ini **terbatal sekiranya pengesahan tidak diterima**.

4. Sekian, untuk makluman dan tindakan saudara seterusnya. Pegawai yang berusaha menyampaikan. Terima kasih.

CHAIRIL ASHRAFF BIN ARSHAD
Mejar TUDM
bp Panglima Tentera Udara



TERHAD

TERHAD

KEMBARAN A KEPADA
MTU/BSM(K&P)/100-1/9/12
BERTARIKH 5 APR 18

ARAHAN MELAPOR DIRI PEMILIHAN AKHIR
PERAJURIT MUDA UDARA SIRI 59/18

AM

1. Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan mengambil warganegara Malaysia untuk memenuhi keperluan semasa bagi mengisi kekosongan perjawatan sebagai anggota Lain-Lain Pangkat (LLP). Pemilihan Akhir Perajurit Muda Udara diadakan bagi memilih calon yang terbaik daripada kumpulan calon yang berjaya diperingkat Pemilihan Awal. TUDM memerlukan warganegara yang berkaliber dan mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang ketenteraan. Saudara adalah calon yang dipilih untuk mengikuti Pemilihan Akhir Perajurit Muda Udara di pusat pemilihan seperti di surat tawaran.

TUJUAN

2. Arahan ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada calon membuat persediaan sebelum menghadiri pemilihan akhir yang diadakan mulai **21 Apr 2018** hingga **27 Apr 2018**.

TINDAKAN CALON

3. Saudara dikehendaki melapor diri di lokasi, tarikh serta waktu yang dinyatakan seperti di surat tawaran Pemilihan Akhir Perajurit Muda Udara. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian berikut:

a. **04-7144001** samb **1132 – Balai Pengawal Kolej Tentera Udara, Alor Setar**

4. Untuk makluman saudara, pihak TUDM hanya menyediakan keperluan **sajian dan penginapan** sepanjang proses pemilihan akhir di Pusat Pemilihan yang telah ditetapkan. **Segala perbelanjaan lain (Contoh : Pengangkutan pergi dan balik) adalah atas tanggungan calon sendiri.**

5. Saudara **dikehendaki** membawa bersama **DOKUMEN ASAL** dan **SALINAN** seperti berikut:

a. Sijil kelahiran Versi terkini (Warna Hijau) - **7 salinan.**

b. Kad pengenalan (*MyKad*) - **7 salinan.** (**Peringatan: Kad Pengenalan Sementara tidak diterima**).

c. Sijil berhenti sekolah. - **7 salinan.**

d. Sijil SPM/SPMV - **7 salinan.** (**Peringatan: Hanya calon SPM 2017 sahaja dibenar menggunakan slip keputusan SPM**).

e. Sijil Akademik (Diploma/SKM Tahap 2 atau 3) - **7 salinan.** (**Perhatian: Surat Pengesahan Tamat Pengajian dari Pusat Pengajian diperlukan sekiranya calon belum menerima sijil**).

A - 1

TERHAD

TERHAD

- f. Sijil Nikah, Salinan Kad Pengenalan (*MyKad*) Isteri dan Sijil Kelahiran Anak (**Calon yang berkahwin sahaja**) - **2 salinan**.
 - g. Salinan Kad Pengenalan (*MyKad*) ibu bapa, Salinan Sijil Cerai, Sijil Kematian dan Sijil Anak Angkat (**disahkan oleh Pegawai Kerajaan yang bertauliah**) (**Lampiran 4**) - **2 Salinan**.
 - h. **Filem X-Ray** dada (ukuran besar) dan laporan X-Ray oleh **pakar Radiologist kerajaan atau swasta** (surat untuk saudara mendapat X-Ray di Hospital kerajaan disertakan melalui **Lampiran 1**).
 - i. **Surat Akuan** (BAT B 13) untuk ditandatangani oleh Ibu/Bapa/Penjaga bagi calon-calon yang **berumur di bawah 21 tahun** (**Lampiran 2**).
 - j. Butir-Butir Peribadi Orang Mengenali Anda Sebagai Rujukan (Lampiran 3) dan Butir-Butir Peribadi Waris Pertama dan Tambahan (Lampiran 4).
 - k. **Surat Tawaran Pemilihan Akhir Perajurit Muda Udara Siri 59/18**.
6. Sekiranya saudara **sedang bekerja**, saudara adalah **dinasihatkan supaya mengambil cuti** sepanjang tempoh pemilihan akhir.

PROSES PEMILIHAN AKHIR

7. Aktiviti Pemilihan Akhir adalah seperti berikut:
- a. Pemeriksaan dokumen-dokumen persendirian (**Para 5**).
 - b. Pemeriksaan Perubatan dan Pergigian.
 - c. Ujian Kecergasan Jasmani.
 - d. Ujian Kecerdasan Minda (IQ Test) dan Bahasa Inggeris.
 - e. Temuduga Kerjaya.
 - f. Ujian Simulasi Ketenteraan.
8. Calon yang gagal dalam mana-mana pemeriksaan/ujian akan dikira gagal dalam pemilihan. Proses pelepasan calon yang gagal akan dikoordinasikan oleh pihak Pengambilan.

PAKAIAN SEMASA MELAPOR

9. Semasa melapor diri ke Pemilihan Akhir, **calon dikehendaki berpakaian kemas** seperti berikut:
- a. Kemeja lengan panjang warna putih.
 - b. Seluar **slack** warna hitam bertali pinggang gelap.
 - c. Tali leher warna hitam.
 - d. Kasut bertumit warna hitam bertali dan berstokin warna hitam.

PAKAIAN DAN PERALATAN

10. Saudara dikehendaki membawa bersama pakaian dan peralatan berikut:
- a. **Dua pasang kemeja lengan panjang warna putih dan seluar *slack* warna hitam bertali pinggang warna gelap.** (Sama seperti pakaian semasa melapor diri).
 - b. **Tiga helai baju T berkolar warna putih, dua helai seluar *track bottom* berwarna gelap dan sepasang kasut sukan serta stokin berwarna putih.**
 - c. **Sepasang baju kebangsaan lengkap (bersamping dan songkok hitam) bagi yang beragama Islam.**
 - d. Peralatan mandi serta kelengkapan penjagaan diri termasuk pakaian harian secukupnya.
 - e. Peralatan tulis secukupnya.
11. Saudara **TIDAK DIBENARKAN** membawa peralatan tajam dan berbahaya ke Pemilihan Akhir. **Sebarang kehilangan harta benda atau peralatan persendirian adalah tanggungjawab sendiri.**

LAIN-LAIN

12. Saudara juga dinasihatkan untuk menyediakan diri dari segi mental dan fizikal memandangkan Pemilihan Akhir ini akan menguji ketahanan mental dan fizikal calon bagi memastikan hanya calon yang bersedia dan sesuai sahaja yang akan dipilih untuk menjalani Latihan Asas Perajurit Muda Udara dan menjadi salah seorang warga TUDM.

PENUTUP

13. Pihak TUDM mengucapkan syabas dan tahniah kerana saudara telah dipilih untuk menghadiri pemilihan akhir dan diharapkan saudara dapat membuat persiapan sepenuhnya.

TERHAD

LAMPIRAN 1

MARKAS TENTERA UDARA

Bahagian Sumber Manusia
Sel Kerjaya dan Pengambilan
Tingkat 7, Menara TH Selborn
153 Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2681 2412

5 Apr 2018

MTU/BSM (K&P)/100-1/9/12

Pengarah / Pegawai Perubatan
Hospital Besar / Daerah

.....

Tuan,

FILEM X-RAY DAN LAPORAN

1. Berhubungan dengan perkara tajuk, dengan segala hormat dan takzimnya dimaklumkan kepada pihak tuan bahawa calon berikut telah ditawarkan untuk menghadiri Pemilihan Akhir Perajurit Muda Udara (TUDM).

- a Encik/Cik : _____
- b. No. Kad Pengenalan : _____
- c. Tarikh Pemilihan Akhir : _____

2. Untuk maklumat pihak tuan, calon dikehendaki melapor diri di **Kolej Tentera Udara, Alor Setar** dengan membawa bersama **Filem X-Ray Dada ukuran besar yang mempunyai tandatangan, nama dan cop pakar (Radiologist) pada laporan** untuk tujuan Pemeriksaan Perubatan.

3. Kerjasama dan jasa baik pihak tuan dalam menguruskan perkara tersebut amatlah dihargai. Maklumat lanjut boleh hubungi Sel Kerjaya dan Pengambilan TUDM di talian 03-26812412.

4. Sekian, untuk maklumat dan tindakan pihak tuan selanjutnya. Pegawai yang berusaha menyampaikan. Terima kasih.



CHAIRIL ASHRAFF BIN ARSHAD

Mejar TUDM
bp Panglima Tentera Udara



TERHAD

LAMPIRAN 2

In Liew BAT B 13
(Ref: MINDEF PERS 4318/Pt III of Sep 63)

SURAT AKUAN UNTUK TANDATANGANI OLEH IBU BAPA
ATAU PENJAGA YANG SAH

Saya, Encik*/Puan* _____
(Nama Bapa/Ibu/Penjaga yang sah)*

No. Kad Pengenalan: _____ Penjaga yang sah

kepada _____

No. Kad Pengenalan: _____ yang **berumur di bawah 21 tahun**, mempersetujui ia masuk berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia jika ia diterima. Saya juga bersetuju bahawa sehingga ia berumur 21 tahun jika ia jatuh sakit semasa menjalankan latihan atau tugasnya di dalam Angkatan Tentera Malaysia dan pihak perubatan yang berkuasa menyatakan ia dikehendaki di bedah dengan serta merta. Pegawai Memerintahnya boleh membenarkan pembedahan itu dijalankan jika tidak mendapat berhubung dengan saya dalam masa yang singkat.

Tarikh: _____
(Tandatangan Ibu/bapa/Penjaga yang sah)*

Tarikh: _____
(Tandatangan Saksi dan Cop Rasmi)

Catatan:

* Potong yang tidak berkenaan.

Peringatan:

1. **Saksi yang dibenarkan menandatangani surat ini hanyalah Hakim atau Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah atau Pesuruhjaya Sumpah sahaja.**

BUTIR-BUTIR PERIBADI ORANG MENGENALI ANDA SEBAGAI RUJUKAN
(Selain daripada saudara mara/tiada sebarang pertalian keluarga dengan saudara)

Rujukan 1

1. Nama: _____
2. No Kad Pengenalan : _____
3. Pekerjaan : _____
4. Alamat : _____

- Poskod : _____ Negeri : _____
5. No Telefon : _____

Rujukan 2

1. Nama: _____
2. No Kad Pengenalan : _____
3. Pekerjaan : _____
4. Alamat : _____

- Poskod : _____ Negeri : _____
5. No Telefon : _____

Rujukan 3

1. Nama: _____
2. No Kad Pengenalan : _____
3. Pekerjaan : _____
4. Alamat : _____

- Poskod : _____ Negeri : _____
5. No Telefon : _____

BUTIR-BUTIR PERIBADI WARIS PERTAMA DAN TAMBAHAN

WARIS PERTAMA (BAPA/IBU/PENJAGA/ADIK BERADIK)

1. Nama: _____
2. No Kad Pengenalan: _____ Umur : _____
3. Pekerjaan: _____
4. Alamat: _____

- Poskad : _____ Negeri : _____
5. No. Telefon : _____

WARIS TAMBAHAN (IBU/BAPA/PENJAGA/ADIK BERADIK)

1. Nama: _____
2. No Kad Pengenalan: _____ Umur : _____
3. Pekerjaan: _____
4. Alamat: _____

- Poskad : _____ Negeri : _____
5. No. Telefon : _____

Nota:

- Sila sertakan salinan Kad Pengenalan Waris Pertama dan Waris Tambahan.
- Adik-beradik yang berumur 18 tahun ke atas.